

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

## Pelanggan Yang Dihormati

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat-maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

### 1 Apakah Motorist's Companion Extra Private Car – Comprehensive (MCX-C)?

MCX-C memberikan pampasan bagi mana-mana kecederaan anggota badan, kecacatan atau kematian yang disebabkan secara langsung oleh perlakuan ganas yang tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat kepada pemandu dan/atau penumpang yang memandu, menunggang, menaiki atau turun dari kenderaan.

### 2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran RM201.55 setahun (termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem), anda akan menerima perlindungan Pelan 3\* berikut: Anggaran premium: Jumlah diinsuranskan RM50,000, kenderaan dengan 5 kapsiti tempat duduk, pekerja pejabat, kelas 1 dan berumur 30 tahun

Polisi ini melindungi:

Seksyen	Faedah-Faedah	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3* (RM)
<b>Seksyen 1</b>	<b>Manfaat Kemalangan Diri</b>			
A	Kematian Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal	10,000	20,000	50,000
B	Perbelanjaan Perubatan kerana Kemalangan (sehingga)	1,000	2,000	3,000
C	Perbelanjaan Pengebumian	500	500	500
D	Perlindungan Berganda (Cuti Umum Seluruh Negara)	20,000	40,000	100,000
E	Rawatan Pergigian / Manfaat Surgeri Kosmetik / Bayaran Ambulans (sehingga)	2,000	2,000	2,000
F	Faedah Pendapatan Hospital disebabkan Kemalangan (maksimum 60 hari)	30 / sehari	50 / sehari	75 / sehari
<b>Seksyen 2</b>	<b>Program Bantuan Kenderaan (Atas penama kereta sahaja)</b>			
A	Bantuan Kecemasan Tunda 24 Jam (kerana kerosakan / kemalangan)	✓	✓	✓
B	Baiki Kerosakan Kecil di Tepi Jalan (kerana kerosakan)	✓	✓	✓
C	Bantuan Teksi & Bayaran Balik (kerana kerosakan)	✓	✓	✓
D	Bantuan Antarabangsa (Singapura, Brunei & Thailand) – kerana kerosakan / kemalangan	✓	✓	✓
E	Mengurus Pemindahan Kecemasan (kerana kerosakan / kemalangan)	✓	✓	✓
F	Merujuk ke Pusat Servis Kereta (kerana kerosakan / kemalangan)	✓	✓	✓
G	Penghantaran Pesanan Kecemasan (kerana kerosakan / kemalangan)	✓	✓	✓
H	Bantuan Bateri	✓	✓	✓
I	Bantuan Perjalanan Alternatif	✓	✓	✓
J	Bantuan ke Rumah	✓	✓	✓
K	Perkhidmatan Ambulans Antara Negeri	✓	✓	✓
L	Bantuan Perkhidmatan	✓	✓	✓
<b>Seksyen 3</b>	<b>Manfaat-manfaat Tambahan (di Malaysia)</b>			
A	Bayaran Balik Sewa Kereta (kerosakan total / kecurian)	5 hari (Maks: 600)	6 hari (Maks: 750)	7 hari (Maks: 900)
B	Elaun Kesulitan Kecurian	1,000	2,000	3,000
C	Elaun Kesulitan Pecah & Ragut (barang peribadi / tunai)	300	300	300
D	Elaun Kesulitan Banjir	300	300	300
E	Elaun Kesulitan Kemalangan	300	300	300
F	Gantian-Kunci Kereta / Transmitter (Kecurian / Rompakan)	150	200	300
<b>Premium Tahunan (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem)</b>				
5 kapsiti tempat duduk (termasuk pemandu)		84.91	111.32	177.36
Setiap kapasiti tempat duduk tambahan		21		

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad ialah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had-had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Liberty General Insurance Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan dengan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di  
1 300 88 8990



Layari kami di  
[www.libertyinsurance.com.my](http://www.libertyinsurance.com.my)



Emel kami di  
[customer@libertyinsurance.com.my](mailto:customer@libertyinsurance.com.my)



Imbas Kod QR  
di atas

Polisi ini <b>tidak melindungi</b> :
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Risiko peperangan</li> <li>• Bunuh diri dan hilang akal</li> <li>• Kecederaan yang disengajakan</li> <li>• AIDS atau sebarang penyakit berkaitan atau menjalani ujian darah berkaitan HIV / AIDS</li> <li>• Pembunuhan akibat kemarahan atau serangan</li> <li>• Aktiviti sukan yang berbahaya</li> </ul>
<b>Nota:</b> Senarai ini adalah <b>tidak menyeluruh</b> . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

<b>Untuk Pelan 3 Motorist's Companion Extra Private Car – Comprehensive ini, anda perlu membayar premium berikut:</b>	
Perlindungan Standard	<i>RM177.36 (setiap tahun)</i>
(+) Perlindungan Tambahan	<i>Tidak berkenaan</i>
<b>Premium Kasar</b>	<b>RM177.36</b>
<b>Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</b>	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	<i>RM14.19</i>
(+) Duti Setem	<i>RM10.00</i>
<b>Jumlah Premium Yang Perlu Dibayar</b>	<b>RM201.55</b>
<b>Di mana ia adalah termasuk:</b>	
Komisen	<b>10% Premium Kasar atau RM17.74</b>

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar cukai perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

### 4 Maklumat Penting Lain

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.</li> <li>• Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.</li> <li>• Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.</li> <li>• Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.</li> <li>• Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kemalangan tersebut berlaku.</li> <li>• Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.</li> <li>• Kelayakan – <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pemilik kenderaan dan pemandu sah mereka yang menetap di Malaysia dengan lesen memandu yang sah.</li> <li>ii) Umur pemandu mestilah berumur 18 tahun dan ke atas.</li> <li>iii) Penumpang yang berumur di bawah 15 tahun layak mendapat 50% daripada faedah yang dicadangkan.</li> </ul> </li> </ul> <p><b>Nota:</b> Senarai ini adalah <b>tidak menyeluruh</b>. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>
--

### ? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat pada Polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.